

PEJABAT YBM

UCAPAN PERASMIAN YB MENTERI PENGANGKUTAN MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA LANDASAN UNTUK OPERASI PERKHIDMATAN KARGO BAGI LALUAN PASIR GUDANG – KEMPAS BARU

9 Mei 2025 (Jumaat)

Terminal KTMB Pasir Gudang, Johor

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh,

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan,
Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor,

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia,

YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Perbadanan Aset Keretapi (RAC),

YBhg. Dato' Mohd Rani Hisham bin Samsuddin, Ketua
Pegawai Eksekutif (CEO) Keretapi Tanah Melayu Berhad
(KTMB),

YBhg. **Dato' Monaliza binti Suhaimi,**
Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ),

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas kesempatan ini untuk bersama-sama kita menghadiri Majlis Pembukaan Semula Landasan bagi Operasi Perkhidmatan Kargo Laluan Pasir Gudang – Kempas Baru.
2. Pembukaan semula landasan ini merupakan satu langkah penting dalam usaha berterusan Kerajaan untuk memperkukuh infrastruktur pengangkutan negara. Ianya sejajar dengan Hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan logistik, serta mengurangkan kebergantungan terhadap pergerakan kargo melalui jalan raya.
3. Pasir Gudang dan Kempas adalah antara hab logistik yang utama di negeri Johor, dan penyambungan antara kedua-duanya melalui perkhidmatan kargo rel yang efisien adalah cukup penting. Laluan ini merupakan nadi penting kepada rangkaian bekalan industri, terutamanya dalam menyokong operasi Pelabuhan- pelabuhan di Negeri Johor.

4. Dalam usaha Malaysia untuk terus berkembang sebagai pusat perdagangan dan pembuatan serantau, keperluan terhadap penyelesaian pengangkutan yang efisien, kos efektif dan mesra alam adalah salah satu faktor yang utama. Operasi kargo rel ini merupakan suatu usaha kepada keperluan tersebut. Selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara, pelaburan dalam infrastruktur rel menyumbang kepada pengurangan kebergantungan terhadap jalan raya, mengurangkan pelepasan karbon, dan memperkukuh integrasi sistem pengangkutan negara

5. Dengan peralihan penghantaran kargo daripada jalan raya ke rel, kita bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, risiko kemalangan melibatkan kenderaan berat dan pelepasan karbon, tetapi juga mampu meningkatkan ketepatan masa penghantaran. Ini sudah tentu memberi manfaat kepada pemain industri serta rakyat secara keseluruhan. Ini juga membuktikan komitmen kita terhadap integrasi pengangkutan pelbagai mod, selaras dengan teras Dasar Pengangkutan Negara.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

6. Saya difahamkan bahawa, kerja-kerja penaiktarafan landasan ini bermula selepas penutupan laluan pada Oktober

2024, ianya melibatkan jajaran sepanjang 39.9 kilometer dan meliputi tiga seksyen utama iaitu Kempas Baru – Seelong, Seelong – Johor Port, dan Johor Port – Pasir Gudang.

7. Kerja-kerja penaiktarafan ini melibatkan pembaikan struktur rel, pembinaan sistem perparitan baharu, penggantian trek dan batu kelikir, serta peningkatan sistem isyarat dan keselamatan dengan nilai keseluruhan projek adalah berjumlah RM55 juta.

8. Tempoh pelaksanaan awal projek ini adalah selama 24 bulan, namun hasil kerjasama erat Kementerian Pegangkutan bersama pihak RAC, KTMB dan kontraktor utama, projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh hanya 6 bulan sahaja. Ianya merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan yang membuktikan kecekapan pelaksanaan dan pengurusan projek oleh semua pihak yang terlibat. Tahniah saya ucapkan dan saya juga merakamkan penghargaan kepada Dato' KSU MOT yang banyak kali turun padang untuk memantau pelaksanaan projek ini dengan rapi.

9. Saya juga ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Syarikat Puncak Gali Harmoni Sdn. Bhd. sebuah syarikat tempatan yang telah berjaya melaksanakan menyiapkan kerja-

kerja membaik pulih landasan ini dari peringkat pembinaan sehingga penyerahan projek.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Dengan pembukaan semula landasan bagi operasi perkhidmatan kargo Pasir Gudang- Kempas Baru, KTMB akan meningkatkan pengendalian kontena daripada 140 TEUs sehari sebelum ini sekurang-kurangnya kepada 420 TEUs sehari iaitu peningkatan sebanyak 3 kali ganda. KTMB sebelum ini hanya membuat 2 trip sehari tetapi setelah pembukaan semula KTMB akan membuat larian keretapi kargo sekurang-kurangnya sebanyak 6 trip sehari.

11. Disamping itu juga pelanggan boleh meningkat aktiviti dalam urusan pemindahan kontena bukan sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas malah ke Pelabuhan lain di Semenanjung Malaysia termasuk Pelabuhan Kuantan melalui laluan ECRL kelak, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang sehinggalah keluar negara melalui Thailand dan ke negara China.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

12. Pembukaan semula Jajaran Pasir Gudang - Kempas yang telah dibaik pulih merupakan berita baik bagi pemain industri di kawasan sekitar Johor Bahru yang menggunakan laluan ini untuk ke Pelabuhan Pasir Gudang. Walau bagaimanapun, laluan ini kurang diberi perhatian oleh orang ramai kerana jajaran tersebut hanya digunakan untuk membawa kargo.

13. Seperti kita semua sedia maklum kawasan sekitar Johor Bahru semakin mengalami pembangunan yang pesat termasuk di sepanjang Jajaran Pasir Gudang - Kempas. Mengambil kira perkembangan pesat penduduk dan komitmen Kerajaan Madani dalam mengutarakan agenda pengangkutan awam, KTMB dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) akan meneroka kemungkinan untuk turut memperkenalkan perkhidmatan penumpang di laluan Jajaran Pasir Gudang - Kempas. Cadangan ini harus disusuli dengan gerak kerja untuk merancang infrastruktur dan keperluan teknikal yang berkaitan. Jika wujudnya kebolehlaksanaan yang tinggi, maka Kementerian Pengangkutan akan memberi sokongan kepada RAC dan KTMB untuk mencapai matlamat ini.

14. Ini juga selaras dengan cadangan YAB Perdana Menteri dimana agensi Kerajaan diminta untuk melaksanakan semua projek dengan segera dan sebagai salah satu usaha kita untuk

memastikan kemampuan ekonomi negara daripada terkesan akibat impak kenaikan tariff oleh Amerika Syarikat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

15. Saya berharap agar KTMB dan RAC akan terus berganding bahu dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan secara menyeluruh. Usaha ini wajar disertai dengan libat urus berterusan terutamanya bersama komuniti industri di kawasan laluan Pasir Gudang- Kempas. Ini adalah penting bagi mendapatkan input strategik dan cadangan penambahbaikan yang mampu meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB.

16. Peningkatan kualiti perkhidmatan bukan sahaja berupaya memperkukuh operasi dan meningkatkan keuntungan syarikat, malah menjadi pemangkin kepada keyakinan pelabur asing untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Kecekapan sistem rel yang tinggi juga diyakini dapat menggalakkan peralihan mod pengangkutan daripada jalan raya kepada rel, selaras dengan dasar kerajaan dalam mengutamakan pengangkutan yang lebih mampan dan efisien.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Kejayaan pelaksanaan projek ini merupakan hasil kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan komuniti tempatan. Saya percaya, dengan semangat kerjasama dan kesepaduan yang terus diperkukuh, kita mampu melonjakkan Malaysia sebagai hab logistik dan pengangkutan yang unggul di rantau ini.

18. Sekali lagi, saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Marilah kita terus berganding bahu memajukan infrastruktur rel negara dan seterusnya mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju logistik dan pengangkutan di rantau ASEAN.

Sekian, terima kasih.